

30 APR 2004

Abdullah-Pembaharuan

BN DAN UMNO BAWA PEMBAHARUAN BESAR KEPADA NEGARA DAN RAKYAT

KEPALA BATAS, 30 April (Bernama) -- Barisan Nasional (BN) dan Umno telah membawa pembaharuan besar yang telah memberikan kesan mendalam kepada pembangunan dan kemakmuran negara, kata Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Beliau berkata pembaharuan itu sama ada daripada segi perubahan minda dan pembangunan fizikal dicapai melalui perancangan yang cukup teliti.

Perancangan yang rapi dan teliti itu telah membolehkan kerajaan mencapai matlamat untuk melihat rakyat lebih maju dan menjayakan Wawasan 2020, katanya ketika merasmikan Wisma Umno Bahagian Kepala Batas dan majlis kesyukuran sempena perasmian bangunan itu di sini hari ini.

Beliau berkata pembangunan terancang itu mula dicetuskan oleh pemimpin-pemimpin lebih awal iaitu perdana menteri pertama Allahyarham Tunku Abdul Rahman Alhaj yang mahu memperjuangkan kemerdekaan tanah air daripada belunggu penjajah.

"Perjuangan untuk membangunkan negara selepas itu diteruskan oleh Tun Abdul Razak Hussin diikuti oleh Tun Hussein Onn yang memperjuangkan perpaduan dan integrasi antara kaum manakala Tun Dr Mahathir Mohamad membawa permodenan di negara ini.

"Mereka ini merupakan pemimpin-pemimpin yang mempunyai wawasan dan perjuangan yang cukup dinamik dan hasil kepimpinan mereka Malaysia dapat mengecapi nikmat pembangunan yang amat pesat," katanya.

Bagaimanapun, katanya, kesemua nikmat itu tidak dapat dikekalkan jika rakyat tidak mengubah cara berfikir, cara bekerja dan meningkatkan daya saing supaya setanding ataupun melebihi kebolehan negara lain.

"Kita tidak akan dapat bersaing dengan negara lain kalau kerja kita lembap, tidak elok, ilmu tidak cukup dan tidak bermutu," katanya.

Dengan itu, Perdana Menteri mahu rakyat melengkapkan diri dengan pelbagai ilmu dan kemahiran untuk menghadapi cabaran masa depan dengan lebih cemerlang, gemilang dan terbilang.

Abdullah, yang juga anggota Parlimen Kepala Batas berkata negara

ini
tidak boleh bergantung kepada kekayaan sumber semulajadi semata-mata
seperti getah, kelapa sawit dan hasil pertanian yang lain.

Beliau menggalakkan rakyat untuk berfikiran maju serta
meningkatkan
inovasi bagi menghasilkan sumber baru pendapatan negara yang dapat
diterima
oleh semua pihak.

"Kita akan jadi maju jika rakyat berfikiran maju dan sebab itu
kita
perlu meramaikan golongan saintis yang mampu mereka cipta pelbagai
produk
berkualiti untuk kegunaan semua," katanya.

Terdahulu itu, beliau berkata perjuangan Umno Bahagian Kepala
Batas
untuk memiliki sebuah bangunan sendiri akhirnya tercapai selepas
berusaha
selama 25 tahun.

Beliau turut mengimbas sejarah Umno Kepala Batas yang pernah
beroperasi
dari rumah kedai hinggalah ke rumah sejarah milik datuknya, Abdullah
Fahim.

Bagaimanapun, Abdullah berkata, parti itu kini boleh berbangga
kerana
bangunan tiga tingkat di tapak seluas 0.8 hektar di Bertam itu
merupakan
satu daripada mercu tanda di pekan Kepala Batas.

-- BERNAMA
ZU ZU RHM